



TEKS UCAPTAMA
YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
SEMPENA FORUM NON-PROFIT ORGANIZATION (NPO) 2018: TADBIR URUS DAN
PENGURUSAN DANA

TARIKH : 1 NOVEMBER 2018 (KHAMIS)
MASA : 9.00 PAGI
TEMPAT : DEWAN SAKSAMA ARAS 2
BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG
JABATAN PERDANA MENTERI

Bismillaahir Rahmaanir Raheem

Assalaamu`alaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh

Salam Sejahtera dan Selamat Pagi,

Yang Berbahagia Datuk Jalil bin Marzuki,
Ketua Pengarah, Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU),
Jabatan Perdana Menteri (JPM)

Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah BHEUU,

Ketua-Ketua Pengarah dan Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah
Jabatan Bantuan Guaman (JBG) dan Jabatan Insolvency Malaysia (Mdi)

Barisan panelis dan moderator jemputan; dan

YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Datin/ Dr./ Tuan-tuan dan Puan-puan, para peserta Forum *NPO*
2018: Tadbir Urus dan Pengurusan Dana pada pagi ini.

1. Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan

penghargaan dan tahniah kepada Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri di atas penganjuran forum ini serta berterima kasih kerana menjemput saya untuk menyampaikan ucapan sekaligus menyempurnakan program yang merupakan agenda tahunan ini. Sejujurnya, saya amat berbesar hati kerana diberi kesempatan buat pertama kali untuk bersama-sama dengan YBhg. Tan Seri/ Datuk/ Tuan-tuan dan Puan-puan yang hadir pada majlis hari ini semenjak saya mengambil alih portfolio sebagai Timbalan Menteri yang bertanggungjawab mengenai hal ehwal undang-undang.

2. Sebagaimana diketahui, forum ini melibatkan sebahagian besar yayasan-yayasan yang diperbadankan di bawah Akta Pemerbadanan Pemegang Amanah 1952 [*Akta 258*] dan semestinya bersama-sama pada hari ini juga adalah rakan-rakan strategik BHEUU dalam *Sub-Committee of Non-Profit Organization (SCONPO)* yang terdiri dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM), *Labuan Financial Services Authority (Labuan FSA)* dan Bank Negara Malaysia (BNM). Justeru, inisiatif penganjuran forum ini mencerminkan usaha yang tinggi oleh Kerajaan khususnya BHEUU dalam usaha mendekati pelbagai peringkat komuniti bagi menyebar luas informasi dan maklumat mengenai Akta 258 serta dasar-dasar Kerajaan yang berkaitan dengannya.

YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Datin/ Dr./ Tuan-tuan dan Puan-puan,

Latar Belakang *Non-Profit Organization (NPO)* di Malaysia

3. Sejarah menunjukkan bahawa yayasan bukan berasaskan keuntungan atau *Non-Profit Organization (NPO)* telah wujud di Malaysia seawal penghujung tahun 1940-an. Secara tidak langsung, fakta ini menunjukkan bahawa kesedaran masyarakat terhadap kerja-kerja kebajikan telah berakar umbi sejak sekian lama dan menjadi sebahagian daripada budaya kita orang Malaysia untuk sentiasa prihatin dan menghulurkan bantuan kepada golongan yang memerlukan tanpa sebarang diskriminasi.

4. Dalam konteks ini, Salamon dan Anheier melalui buku "*The Emerging Non-Profit Sector: An Overview*" misalnya menjelaskan antara ciri-ciri utama NGO/NPO adalah seperti berikut:
 - (i) *formal* (iaitu berdaftar secara rasmi dan mempunyai peraturan pertubuhan);
 - (ii) *private* (berasingan daripada kerajaan dan bersifat persendirian);
 - (iii) *non-profit distributing* (tidak menjadikan keuntungan sebagai motif penubuhan);
 - (iv) *self-governing* (diurus secara persendirian);
 - (v) *voluntary* (diusahakan secara sukarela); dan
 - (vi) *non-political* (tidak terlibat secara langsung dalam mempromosi calon dalam pilihanraya).

5. NPO yang wujud di Malaysia memperlihatkan kepelbagaian struktur dan kerangka perundangan yang dikawal selia Jabatan/Agensi berkaitan serta akta-akta masing-masing, misalnya Syarikat Amanah *dibawah* Akta Yayasan Labuan 2010 [Akta 706] dan penubuhan Yayasan oleh Kerajaan Negeri dibawah *Trust (State Legislatures Competency) Act 1949 (Revised 1977)* [Akta 196] serta tidak terkecuali pemerbadanan Pemegang Amanah dibawah Akta 258.

6. Namun, walau apa jua strukturnya, fokus NPO/ Yayasan tetap sama iaitu melaksanakan kerja-kerja kebajikan, sosial, pendidikan, kesusasteraan, agama dan saintifik serta memerlukan pengorbanan atas kerelaan hati masing-masing untuk melakukan sesuatu perkara kebaikan dengan memberi sumbangan, masa, tenaga atau kebolehan tanpa mengharapkan sebarang ganjaran sama ada dalam bentuk wang atau kebendaan. Ia mungkin kedengaran mudah untuk dilaksanakan namun mempunyai cabaran-cabaran tertentu yang harus ditangani dengan bijak dan beretika.

Tadbir Urus Yayasan

7. Sehingga hari ini (1 November 2018), saya dimaklumkan bahawa sebanyak **431 buah yayasan** telah diperbadankan di bawah Akta 258 dan jumlah ini semakin meningkat dari masa ke semasa. Justeru, frasa '**Tadbir Urus dan Pengurusan Dana**' yang merupakan tema forum pada hari ini amat bertepatan untuk dibincangkan bersama dengan memberi fokus kepada aspek tadbir urus yang baik (*good governance*) serta pengumpulan dana melalui atas talian (*crowd funding*) ke arah memastikan pengurusan sebuah Yayasan yang teratur.
8. Pengurusan sesebuah yayasan yang baik dengan meliputi prinsip keterbukaan, integriti dan kebertanggungjawaban merupakan suatu elemen penting bagi memastikan kemapanan sesebuah yayasan tersebut untuk bergerak maju dalam era globalisasi yang penuh dengan daya saing. Dalam konteks ini, tadbir urus adalah merangkumi tindakan yang dilaksanakan oleh golongan berkuasa disemua peringkat pengurusan bagi memastikan kecekapan, ketelusan dan akauntabiliti dalam pengurusan Yayasan tersebut.
9. Peranan tadbir urus tidak hanya memusat kepada perjalanan sesebuah yayasan malah lebih kepada arah tuju dan matlamat penubuhan yayasan. Apa yang lebih utama dalam aspek tadbir urus adalah memastikan operasi yayasan berada pada landasan yang betul dan tidak tersasar daripada objektif penubuhannya. Antara isu utama tadbir urus yang sering berlaku adalah konflik untuk mencapai objektif yayasan serta kepentingan personel Pengasas/Pemegang Amanah. Justeru, adalah penting untuk saya mengingatkan YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Datin/ Dr./ Tuan-tuan dan Puan-puan yang hadir hari ini serta Pengurusan Yayasan secara amnya bahawa tanggungjawab sebagai Pengasas dan Pemegang Amanah harus berintegriti dan komited agar memastikan pengurusan Yayasan yang efektif dan signifikan ke arah mencapai objektif yang direncanakan.

Pengurusan Dana ke arah Yayasan Yang Mampan

10. Saya pasti antara persoalan utama yang sering bermain diminda YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Datin/ Dr./ Tuan-tuan dan Puan-puan adalah bagaimanakah Yayasan yang telah diperbadankan dibawah Akta 258 boleh mendapatkan dana dengan cara yang betul dan mengikut prosedur yang telah ditetapkan agar kemampuan Yayasan terjamin? Harus ditekankan bahawa pengurusan dana yang teratur dan mengikut prosedur yang ditetapkan merupakan elemen penting bagi mengelakkan sebarang penyalahgunaan NPO dalam aktiviti jenayah kolar putih yang antaranya seperti kegiatan pengubahan wang haram. Kemampuan sesebuah Yayasan dalam aspek pelaksanaan program-program juga amat bergantung kepada dana yang mencukupi agar kepentingan awam sentiasa dilindungi dan kebolehpercayaan serta amanah penyumbang (*donor*) kepada yayasan tersebut berada pada tahap yang tinggi.
11. Dalam hal ini, kita tidak dapat lari dari memikirkan bagaimana untuk memulakan kutipan dana yang berjaya tanpa sebarang kos atau dengan kos pengurusan yang minimum. Mekanisme kutipan dana yang efisien dan efektif sentiasa menjadi nadi penggerak aktiviti-aktiviti yayasan. Justeru, saya mengajak semua hadirin pada hari ini untuk memberi perhatian terhadap penerangan inisiatif *Maybank Heart* oleh Malayan Banking Berhad, satu-satunya bank komersil di Malaysia yang menyediakan platform kepada NPO/Yayasan melaksanakan kutipan dana atas talian secara '*project-based*' tanpa sebarang caj. Saya percaya sesi taklimat tersebut akan membuka minda dan memberi alternatif metod kutipan dana kepada Yayasan-yayasan untuk dilaksanakan.
12. Apabila kita berbicara mengenai penubuhan yayasan-yayasan di bawah Akta 258, diakui bahawa terdapat sebahagian yayasan tersebut yang menikmati pengecualian cukai di bawah Subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967. Justeru, mana-mana yayasan yang diberi keistimewaan ini digesa untuk memastikan *public benefit* harus setimpal dengan kehilangan punca pendapatan negara. Sesi penerangan mengenai Garis Panduan Bagi Permohonan Untuk Kelulusan di bawah Subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*] oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

dijangka akan memberi pencerahan kepada semua yang hadir mengenai pentingnya menepati syarat-syarat yang ditetapkan LHDNM di bawah Seksyen 44 (6) Akta Cukai Pendapatan 1967. Untuk rekod (sehingga 31 Oktober 2018), sebanyak 82 buah Yayasan yang diperbadankan dibawah Akta 258 menerima status pengecualian cukai pendapatan dibawah Seksyen 44 (6) Akta Cukai Pendapatan 1967 namun tidak dinafikan terdapat Yayasan-yayasan yang telah ditarik semula status tersebut akibat tidak melaksanakan program yang selaras dengan objektif yang telah dinyatakan.

Komitmen Malaysia di Peringkat Antarabangsa

13. Malaysia amat komited dalam usaha-usaha membendung aktiviti-aktiviti pengubahan wang haram melalui penyertaan sebagai ahli *Asia/Pacific Group on Money Laundering (APG)* sejak bulan Mei 2000. Usaha dan inisiatif APG khususnya di peringkat serantau Asia disokong oleh pelbagai agensi dan institusi antarabangsa antaranya seperti *Financial Action Task Force (FATF)*, *International Monetary Fund*, *World Bank*, *OECD*, *United Nations Office on Drugs and Crime*, *Asian Development Bank* and the *Egmont Group of Financial Intelligence Units*.
14. Justeru, **Forty Recommendations of the Financial Action Task Force on Money Laundering (FATF)** ditubuhkan sebagai sebuah rekomendasi piawaian pelaksanaan dan penguatkuasaan antarabangsa bagi mencegah aktiviti-aktiviti Pengubahan Wang Haram serta Pembiayaan Keganasan. BHEUU sebagai ahli kepada *Sub-Committee on Non-Profit Organization (SCONPO)*, jawatankuasa yang ditubuhkan diperingkat kebangsaan untuk membanteras pengubahan wang haram dan pembiayaan aktiviti keganasan dikalangan NPO, sentiasa memberikan komitmen dan kerjasama sepenuhnya bagi memastikan negara mematuhi piawaian antarabangsa yang telah ditetapkan FATF. Ini amat berkait rapat dengan aspek pemantauan dan pengawalseliaan oleh ahli-ahli SCONPO termasuk BHEUU sendiri.

Way Forward Urusan Pemerbadanan Pemegang Amanah dibawah Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 [Akta 258]

YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Datin/ Dr./ Tuan-tuan dan Puan-puan,

15. Peredaran era globalisasi yang mencabar serta harapan semua pihak terutama *'the beneficiaries'* yang semakin meningkat memerlukan perubahan dilaksanakan merangkumi penambahbaikan perundangan dan prosedur pemerbadanan Pemegang Amanah yang dilaksanakan di bawah Akta 258. Selaras itu, BHEUU mengambil langkah meneliti beberapa alternatif penambahbaikan terhadap pelaksanaan Akta 258 termasuk pindaan terhadap akta sedia ada dengan harapan agar akta ini akan terus relevan dan sesuai dalam situasi semasa. Antara cadangan pindaan yang dijangka akan dilaksanakan termasuk mewujudkan klausa baharu berkaitan kuasa penguatkuasaan, kuasa penyiasatan, penalti, tafsiran serta peraturan bagi menyokong pindaan baharu tersebut. Peranan Pendaftar, Timbalan Pendaftar dan Penolong Pendaftar juga akan dikuatkuasakan bagi memastikan pelaksanaan urusan dibawah Akta 258 yang lebih efektif. Pelaksanaan cadangan pindaan Akta 258 ini juga merupakan sebahagian daripada eksais *'law reform'* yang dijangka dilaksanakan dalam pertengahan pertama tahun 2019.
16. Dalam konteks yang lebih besar, mungkin telah sampai masanya Kerajaan meneliti cadangan penubuhan sebuah Suruhanjaya Kebajikan (*Charity Commision*) yang akan bertindak sebagai sebuah badan tunggal yang melaksanakan proses pendaftaran dan pemantauan NPO di Malaysia termasuk menetapkan dasar berkaitannya. Pewujudan entiti seumpama ini akan memastikan sumbangan berterusan NPO sebagai sektor ketiga memacu pembangunan negara yang lebih berdaya saing.
17. Sehubungan itu, untuk menjamin manfaat yang berterusan maka forum ini wajib dijadikan sebagai medium untuk mendekati yayasan-yayasan yang berdaftar di bawah Akta 258 daripada masa ke semasa. Sesi ini juga merupakan medan terbaik kepada Kerajaan serta Pengurusan Tertinggi BHEUU, JPM untuk bersama-sama turun padang, bersua muka dan berkomunikasi dengan yayasan-yayasan yang berdaftar di bawah Akta 258. Platform ini juga merupakan peluang sesama yayasan untuk menjalinkan

jaringan kerja (*networking*) dan berkongsi pengalaman/ilmu untuk kebaikan bersama.

18. Justeru, saya berharap agar setiap peserta yang hadir pada hari ini akan mendapat pencerahan dan manfaat mengenai tadbir urus dan pengurusan dana pemerbadanan Pemegang Amanah di bawah Akta 258. Ambillah peluang keemasan ini untuk merungkai sebarang dan sebanyak mana pun kemusykilan yang terbuku di minda melalui sesi Q&A bersama panelis-panelis yang merupakan pakar dalam bidang masing-masing.

Penutup

19. Sebagai mengakhiri ucap tama saya pada pagi ini ingin saya ungkapkan sedikit kata-kata hikmah dan motivasi untuk tatapan bersama:-

'When wealth is centralised, the people are dispersed. When wealth is distributed, the people are brought together.' –Confucius-

Sekian Terima kasih.

Disediakan oleh:
Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang
Jabatan Perdana Menteri
1 November 2018